

TRANSCRIPT
FOCUS GROUP DISCUSSION
AUDIENCE RECEPTION ON ANIMATION IN MALAYSIA
GROUP 3: PARENTS
ASSISTANT: FATIMAH YAHAYA

Moderator: Kajian yang saya kajian yang saya lakukan adalah di bawah seliaan Profesor Md Sidin Ahmad Ishak yang bertajuk ‘Characteristics, Audience Reception and Future Direction of Animation in Malaysia’ bertujuan untuk memahami dan menganalisa ciri-ciri yang menyebabkan kita panggil sesuatu sebagai ‘animation tempatan’ dan kajian ini juga betujuan untuk melihat resepsi penonton dan meneliti arah tujuan animasi tempatan di Malaysia. Dan apa yang kita lakukan sebentar lagi adalah satu bentuk interview kumpulan fokus untuk melihat resepsi penonton melalui temubual. Jadi sesi temubual ini akan dirakan secara digital dan audio fail akan disimpan dalam saya punya personal computer dan tak akan dibuat public. Itu yang saya boleh bagitaulah. Ia cuma boleh diperdengarkan oleh orang-orang yang berkaitan dengan kajian ini sahaja. Maknanya saya, saya punya supervisor dan orang-orang yang berkenaan dalam Jabatan dan Fakultilah. Itu sahaja orang yang boleh dengar. Orang yang diluar daripada Fakulti, Universiti Malaya memang tidak bolehlah. Semua yg diperbincangkan dalam group focus nih adalah confidential, adalah rahsia. Fail ini hanya akan dimusnahkan sama ada setelah kajian ni habis atau tamat ataupun dalam tempoh tiga tahun daripada hari ini iaitu tarikh rakaman ini dibuat. Jadi kalau ada apa-apa persoalan, tuan-tuan dan puan-puan boleh bertanyalah.

Ada Soalan? Tiada? Baik. Kita mulakan dengan memperkenalkan diri, nama ringkas pun cukup dan beserta

animasi tempatan yang tuan-tuan dan puan-puan pernah ditontonlah. Kita mulakan dengan puan.

Aima: Ok. Nama saya Aima. Animasi tempatan dari dulu sampai sekarang?

Moderator: Ya. Dari dulu sampai sekarang. Yang tempatan sahaja.

Aima: Apa ya? Keluang Man.

Moderator: Apa lagi?

Aima: Kampung Boy. Upin Ipin. Yang itu je lah.

Moderator: Yang itu je? Puan, nama?

Nurul: Panggil Kak Nurul. Yang tahu budak-budak ni, tahulah Kampung Boy, Boboiboy, apa lagi. Keluang Man.

Moderator: Yang pernah puan tengok?

Nurul: Upin Ipin yang pernah tengok. Saya pernah tengok melalui wayang.

Moderator: Encik, nama dan animasi tempatan yang encik pernah tengok?

Megat: Saya Megat Shariman. Animasi tempatan tu maksudnya apa? Kartun ke, filem ke, kartun bersiri?

Moderator: Ya. Kartun, episod bersiri dan filem.

Megat: Saya suka tengok TV lah. Upin Ipin, Kampung Boy, tempatan sahaja?

Moderator: Tempatan sahaja.

Megat: Hang Tuah, the legend.

Moderator: Hang Tuah, the Legend ya?

Nor: Merah. Filem.

Moderator: Merah? Merah ker Putih?

- Nor: Putih. Confused.
- Mior: Saya Mior Ahmad. Animasi daripada zaman dulu tu Usop Sontorian, Keluang Man, yang baru-baru ni Upin Ipin, lepas tu Silat Lagenda.
- Moderator: Silat Lagenda ya?
- Mior: Ya.
- Moderator: Encik?
- Tarmizi: Tarmizi. Kartun. Dulu ada juga dalam TV. TV1 ke, TV berapa. Sang Kancil punya animasi tu. Sang Kancil dan Sang Buaya dan Sang Kancil dengan benda-benda.
- Noor: Sang Kancil dan Monyet. Yang tu zaman dulu.
- Tarmizi: Dan selain daripada tu Usop Sontorian, Keluang Man yang nampak senonoh sikit dan Lat Kampung boy tu.
- Moderator: Puan..
- Zuhrah: Saya puan Zuhrah. Sama macam suami saya tadilah, filem animasi terbitan filem Negara yang Sang Kancil dan Sang Buaya. Yang berbentuk cerita moral macam tu, Usop Sontorian, Keluang Man. Bila zaman dah berubah sikit Upin Ipin dan Boboiboy yang mana anak tengok kita tengoklah.
- Tarmiza: Macam Kacang.
- Nor: Nama saya Puan Nor. Kalau ikut sama, Sang Kancil dan Sang Buaya.
- Moderator: Ada apa-apa tambahan?
- Nor: Upin Ipin dan Boboiboy. Macam tak ada orang sebut.
- Moderator: Encik?
- Khir: Saya Khir. Semua orang dah sebut.

- Moderator: Semua sebut seperti di atas lah?
- Khir: Ya.
- Moderator: Secara general, siapa-siapa boleh jawab soalan ni. Dari mana tuan-tuan dan puan-puan tahu atau tengok animasi itu?
- General: TV.
- Moderator: TV ya?
- Aima: Kawan sekolah.
- Moderator: Kawan sekolah. Dapat tahu daripada kawan? Lepas tu baru tengok?
- Aima: Ya.
- Moderator: Kawan bagitau macam mana ya kalau boleh ingat ?
- Aima: Kan kalau datang ke sekolah sebelum kelas biasanya berborak tengok cerita apa dan bila balik tu rasa nak cari dan tengok juga lah.
- Moderator: Jadi kebanyakan yang lain tuan-tuan dan puan-puan yang lain terus tengok TV?
- Khir: Sebab dulu mana banyak siaran sangat. Yang itu tunjuk, lihat yang itu sahaja.
- Moderator: Betul.
- Megat: Saya lihat produk jualan di kedai.
- Moderator: Tengok kat kedai ya?
- Megat: Tiba-tiba keluar, contoh, Angry Bird. Mana kita tengok Angry Bird atau Upin Ipin kan?
- Moderator: Betul.
- Megat: Kita tak tahu itu kartun sebenarnya.

- Megat: Dan lagi, Upin Ipin tu apa benda? Kartun rupanya.
- Moderator: Oh. Betul juga. Hahah.
- Zuhrah: Produk mainan semua tu kan.
- Megat: Produk mainan, baju, beg.
- Moderator: Lain?
- Zuhrah: Pengaruh anak-anak juga. Bila anak-anak balik bercerita, so kita pun nak tahu apa benda content yang dia orang tengok kan and so nak melayan minat anak tu kita duduk sekalilah tengok TV. Kita tak minat pun.
- Moderator: Ya.
- Moderator: Tapi sejauh mana peranan anak dalam menentukan apa yang ibu bapa tonton sekali dengan anak-anak?
- Zuhrah: Mungkin sebab anak-anak dekat sekolah ada peer influence, kita pun nak orang kata keep up dengan anak-anak punya minat juga kot. Jadi kita tengok juga, kita layan juga. Macam Upin Ipin tu, bila anak-anak balik cerita pasal kawan tengok Upin Ipin begitu begini dan kita tak nak anak kita pun ketinggalan atau kita tak nak dia jadi outlook daripada kawan-kawan dia. Sebab itu kot kita layan juga minat diorang.
- Moderator: Tuan-tuan dan puan-puan sekalian tahukah kartun atau animation apa yang anak tengok?
- Zuhrah: Setakat ni tahu.
- Nor: Macam TV dekat rumah tu. TV dan video dia je. Terpaksa ikut cerita dia.
- Moderator: So bila tengok animasi-animasi ni, apa tuan-tuan dan puan-puan punya first impression pada animasi tempatan?

Nor: Ok mula-mula, Upin Ipinlah, Sang Kancil semua tu diaorang tak tengok kan.

Moderator: Ya lah.

Nor: Ok. Kalau Upin Ipin ni, mula-mula macam ok. Saya perasan anak saya nombor satu tu dari lapan bulan kot, dia dah layan pun, dia dah tahu dah seronok dia kan.

Moderator: Ok.

Nor: Ok. Tapi bila dah lama, makin saya perasan bahasa-bahasa yang digunakan. Mula-mula impression saya, bagusnya. Dibuat kartun yang kartun tak lembab, menarik. Tapi dari dari segi bahasa lah kot kita perlu tengok.

Moderator: Bahasa? Apa yang ada pada unsur bahasa ni?

Nor: Dia guna ‘kau’, ‘aku’. Dengar Macam bahasa biasalah kan tapi macam dia nak buat benda tu secara general. Kira cakap pasar kan. Benda tu menarik, tapi bila budak-budak semakin besar ni, dia anggap benda ni macam dia influence kat situ, dan satu lagi budak-budak sekarang ni bijak kan. Dan bila kita nak betulkan agak susah. Saya cakap terus terang. Saya alami masalah dengan anak saya guna ‘kau’, ‘aku’ tp dia tak tahu. Dengan ibu ayahpun guna ‘kau’, ‘aku’. Kita puas juga nak betulkan balik tapi you bayangkan dia dah dengar dari umur 8 bulan benda tu. Dengar macam tak salah, daripada 8 bulan dia dengar kan. Memang susah saya nak tune balik. Lagi satu kalau perasan dalam Upin Ipin banyaklah kalau ikut, saya perasan dan kaji balik sebab anak-anak dia dengar berpuluhan puluh dan beratus-ratus kalikan daripada 8 bulan tu. Kita pun dah dengar banyak kali benda tu. Pada satu masa tu, saya buat kajian, bukanlah kajian tetapi saya duduk perhati adalah ayat-ayat yang keluar dari mulut Upin Ipin tu kan, pun betul macam Opah dengan tu kan. Watak Kak Ros memang saya tidak suka. Garang apa semua macam tu dan apa, Upin Ipin dia ada sebut, bisingla Kak

Ros. Ha. Benda tu dia jadi dan bawa ke dunia ke, apa nyata dialah. Yang itu saya perasan. Dan Saya nak comparekan. Tak tahu lah. Banyak cakapkan.

Moderator: Takpe-takpe. Boleh.

Nor : Masa tu saya tengok filem Gajah Biru, iaitu filem daripada Thailand. Tp dia alih bahasa ke bahasa melayu tetapi saya perasan memang puji sangat filem tu. Bahasa dia tak ada langsung kau aku Walaupun dia ada org jahat, orang jahat orang jahat yang tu kan tetapi nada yang dia marah pun tak der laa macam kak ros yang melenting melampau macam tu. Saya puji sangat gajah biru. Anak saya saya belikan cd yang original kerana gajah biru memang saya beri kredit yang tinggi untuk gajah biru tetapi boleh bilangla berapa kali sahaja yang dia ulang. Tetapi sebenarnya nilai-nilai yang baik banyak terutamanya semasa nenek dia mati dan sebagainya kan.

Sama juga dengan boboboi. Bila datang boboboi ok satu lagi

Khir ; boboboi lagi guna bahasa lagi teruk.

Moderator : bahasa lagi teruk yer?

Khir : Orang tualah, bodohlah, hawaulaa..bahasa orang tua

Nor : Yes.. yes.. dan dia sekarang jadi lagi teruk. Itula yang jadi pada anak kami.

Khir : Tapi saya layan juga sebab saya suka.

Zuhrah : Maksudnya macam apa yang mengeluarkan program animasi macam nih fikir lebih kepada nak market dia orang punya program nih tetapi tidak memikirkan aspek orang kata nilai peribadi dan pendidikan sahsiah budak tak dak la. Kalau kita bandingkan dengan sesame street for example. Dia bukan animasilah tetapi ada menerapkan macam mana budak berbahasa kesantunan bahasa dan benda tu bila dah dikomercialize di Malaysia nih kita dah hilang dia punya nilai-nilai masyarakat tempatan. Kita lebih kepada what sell. Lebih kepada menjadikan audien kanak-kanak nih satu benda yang berbentuk orang kata apa err ada value pada penjanaan

keuntungan sahajalah. Asaikan budak tengok, run, laku ok dah. Tetapi aspek pendidikan tu dah tidak ada macam puan nor cakap tadi bila kita nak latih anak kita berbahasa dengan baik tetapi tak jalan because praktikalnya bahan yang dia tengok tu tak membantu dia orang kata untuk nampaklah, orang kata praktikal. Jadi letihla juga kita nak betul.

Nor : Susah kita nak betul balik.

Moderator : But Let me play that would be avocate la..Industri animasi di Malaysia ni dia tak besar dan susah nak survive. Dan satu cara untuk dia survive dan buat keuntungan adalah err..menghasilkan produk yang marketable..yang mengandungi apa yang puan-puan sebut tadi. So kalau diaorang nak..nak..err.. apa tadi menceburi animasi ini dengan membuat keuntungan, apa lagi cara yang diaorang boleh buat ?

Nor : Ok. Bagi saya dia boleh betul tetapi jgn sampai me..err..mengorbankan kita punya apa, mengorbankan value-value yang sepatutnya baik yang kita nak bina dalam anak-anak sebab bila benda tu dah diterapkan dan nak tune balik susah. Sebab macam contoh, umur 14 tahun ker 15 tahun ker kalau dia yang bermasalah ker kita ajar mungkin dia boleh kot dari segi dia dah matangpun dan semua. Tapi you nak expext 4 hingga 5 tahun nak betulkan susah sebab value yang dah diterapkan daripada awal dah salah. Dan bagi saya kalau nak marketable pun boleh bagi perkataan-perkataan macam . Erm bolehlaa tapi dia kena buat kajian laa dari segi bahasa yang elok dan baik tapi macam errmm..sebab bagi bagi saya karakter, color dan apa semua tu dah menarik dah. Oleh yang demikian, syarikat kena buat kajian dari segi kecantikan bahasa. Cuma kecantikan bahasa tu. Moderator

Moderator : Ah.. ok

Nor : Sebab saya tak terima bagi untuk tujuan marketable itula..

Moderator : Owh.. ok

Nurul : Owh mungkin dia buat macam tu untuk menggambarkan term masyarakat kampong kot sebab dari situ kita lihat dari segi latar belakang tentang kampong dan dari segi situasi pun tentang kampong. Dan mungkin

certain parents yang bercakap cara macam tu di kampong kalau kita tengok di kampong-kampung dan memang begitula caranya dan cara komunikasi

Nor : Tapi satu jala saya rasa kita kena back juga tak kirala dia dari kampong ker, minor ker, luar bandar ker apa semua sebab satu Malaysia dah tengok Upin Ipin tu tapi saya rasa bila dia nak keluarkan dan menulis skrip kalau tujuan untuk membentuk sahsiah anak-anak secara tak langsung mungkin benda tu tak jadi. Mungkin perkataan kau aku betul. Betul kita dengan kawanpun kau aku kan, tp saya rasa nak write up ke Upin Ipin punya production

Khair : Kalau Bola Kampung dia gelarkan awak saya.

Nurul : Lepas tu Kampung Boy pun ok sikit laa dia punya bahasa. Macam pak mat, dia cakap pun dengan bahasa yang lembut. Tak ada menengking-nengking.

Megat : For the young age..la. Kita tak ada problem parents boleh didik. Kita yang filter diaorang actually

Nor : Tak juga, daripada pengalaman ..

Megat : betul tp certain aspect kita bagi dia tengok kartun tp by the end of the day kita yang tentukan how to benda yang negative tu untuk tidak terapkan masuk dalam kepala otak diaoranglah. So if you came all this, you kena ingat ini macam I agree this is very small market but they are making money but a little and you kena ingat sebelum benda nih keluar tv they have certain procedure as well. They will go thru betting, diaorang akan tengok macam Lembaga Penapisan Filem. I think there are certain procedure. Kita tengok jugak tp lepas tu kita cakap dengan diaorang gini gini gini you jangan ikut. And the end of the day the parents play the role. Jangan kata kartun upin ipin, kartun lain pun banyak impact. Anak-anak kita bukan tengok upin ipin sahaja. Cerita tembak menembak lagi teruk, kissing mengissing lagi dahsyat. Isnt'it. Jadi accept as cartoon bahan hiburan. Jadi kita kena pantau.

- Nor : Tetapi dari segi kalau budak budak sekolah ker memang senang kita nak bentuk tetapi kalau peringkat yang awal sejak daripada baby dia dah tengok benda tu dan memang dah sebat dengan diri sendiri. Pengalaman saya memang susah nak tune diri dia balik. Sebab mungkin dia 4 hingga 5 tahun, mungkin kita marah pun dia tak faham dan kita cakap benda tu salah pun dia tak faham.
- Megat : Jangan bagi dia tengok
- Nor : Tak Boleh, benda itu trend.
- Megat : You kena. Macam I cakap parents play a role and certain cerita memang I tak bagi sebab my view benda nih akan jadi macam you cakap susah nak tune dia balik. Biarlaa dia nangis.
- Nor : Tapi sayang sebab upin ipin dan boboiboy kartun Malaysia yang pertama dan dia bagus jugak sebenarnya tapi nak halang tak bolehla sebab benda tu dah trend sekarang. Semua orang tengok kan dan apa semua tetapi macam Lembaga Penapisan tu. Kalau ikut memang bagus laa sebagai contoh laa perkataan baru yang dia belajar contoh erm bukan kartun pulak err toyol hijau tu. Err kita tengok funny kan tapi dia belajar perkataan baru bangang.
- Moderator : erm.. haa
- Nor : Wish is very bad la.
- Moderator : Tapi itu bukan daripada kartun kan?
- Nor : Tapi itula saya cakap benda-benda macam tu macam dalam boboiboy.
- Nurul : Animasi itu macam menggambarkan situasi sebenar laa. Contoh cerita Indon, dia menggambarkan situasi orang dia. Lagi teruk. Filem yang dibuat menggambarkan situasi orang dia, menggambarkan masyarakat, menggambarkan tempat. Jadi macam nak cakap eh. Kita tak boleh just kita pantau kita tengok diaorang sebab memang dia akan buat juga kerana

menggambarkan tempat, orang macam nih macam nih dan apa yang dia buat tu pengajaran bagi kita. Kita kena ambik dari segi situla.

- Moderator : En. Mior ada apa yang nak tambah?
- Mior : Dari segi penggunaan aku saya dan sebagainya itu adalah the real situation in life la. Mungkin Nak buang penggunaan itu susah tapi kita boleh explain. Let say kita cakap, di mana boleh cakap aku. Di mana nak guna, dengan orang tua, dengan opah takkan nak cakap aku. Di mana kita punya respect tu di mana. Kalau boleh cakap akupun di kalangan kawan-kawan yang sebaya. Kita perlu terangkan kepada dia. Mungkin budak-budak nih salah faham, dengan orang tua pun dia cakap aku kan dan that's why dengan market dia yang kecil dan supaya dia laku macam tadi kan macam gajah biru tu, walaupun kita rasa baik tapi kurang minat tp untuk marketable dia kena buat to reality dan kita kena mainkan peranan untuk terangkan. Contoh, dia cakap aku kan, tetapi dia tak cakap dengan opah dia aku kan. Mungkin dari situ bolehla sikit sebab kalau kita nak buang terus realitinya bukan. Kita boleh dan kalau boleh kita nak anak kita cakap saya semuanya tetapi kalau dia pergi sekolah, habislah kan. Kalau dari segi ideanya, saya pun nak anak saya cakap saya all the time tapi benda tu takkan terjadi kan.
- Nor : Selain daripada tu, saya aku tu ok lagila, tetapi dari segi perkataan-perkataan... .
- Mior ; Perkataan-perkataan yang ekstrem tu macam bangang semua tu patut diubah la kan, cari yang lebih baik la kan. Tetapi bukan kalau dia dah terlalu otang kata apa nak nak jaga sangat, tak jadila.
- Moderator : Ok berbalik kepada soalan tadi, first impression, ada sesapa sesapa nak tambah the fist impression mula-mula tengok local animation? Tak kirala animation mana. Mula-mula tengok rasa macam mana?
- Nor : Wah..bagusnya..
- Zuhrah ; Kalau nak buat perbandingan Usop Sontorian dengan Upin Ipin.

- Tarmizi : Jauh Beza
- Zuhrah : Arr.. bagi saya, Usop Sontorian itu lebih jujur karyanya. Jujur dan down to earth kerana dia menggambarkan mungkin kita reflek balik zaman kita kecik-kecik. Mungkin bahasanyanya orang kata apa yang terlalu harsh banding yang ada sekarang. Bila saya tengok Upin Ipin mungkin generasi dah berbeza jadi mula-mula saya rasa dia jujur, dia honest tetapi bila dia dah masuk unsur-unsur orang kata dia dah boom, dia dah naik dia dah jadi sedikit kaku. Saya pun dah rasa kurang nak tengok.
- Moderator : Erm..
- Zuhrah : Usop Sontorian tu kita tengok kita boleh relate balik. That is very honest, karya yang honest not that to say masa tu kita baru nak venture that is first animation. So bila kita tengok tu ok dia punya pengkarya di sebalik kartun-kartun itu orang yang really actually nak keluarkan kehidupan di kampong, integriri antara kaum, orang kata social integrity berbilang bangsa, lepas tu value kekeluargaan dan sebagainya. Tetapi upin ipin ni pada peringkat awal, tema lebih kurang,
- Moderator : Erm.. Ermm..
- Zuhrah : Matlamat lebih kurang sama tetapi lama-lama ianya lebih kepada komersial value.
- Moderator : Erm..
- Zuhrah : yang lebih kepada yang macam kita sebut tadi ada dua genre, ada satu bentuk animasi yang bentuk untuk mendidik dan satu animasi yang masih dan hanya mengeluarkan apa-apa yang berlaku dalam masyarakat sahaja.
- Moderator : Erm..refleksion og society la kan?. En. Tarmizi nak tambah apa-apa ka
- Tarmizi : Nak Tamabah?
- Moderator : Tanya jala kan, nak tambah apa-apa tak?

- Tarmizi : First impression, back to the questionlah. Kalau First Impression kalau Tanya saya, saya nak jawab, macam nih la, kalau dulu zaman kita memang lain dari zaman sekarang. Kalau kita dulu seolah-olah kalau kita masuk kedai makan, semua ada, sushi, ada burger tetapi tetiba ada nasi lemak padahal nasi lemak tu tak sedap pun. Tetapi oleh kerana kita punya adat kita, bukan adatlaa background kita makan nasi lemak juga, kita ambikla juga nasi lemak tu. Itula Impressionnya Tak best mana pun kartun Malaysia ni tp hidangan itu ada jadi kita tengokla.
- Moderator : Aima? Tiada eh? Ok apa erm..apa yang tuan-tuan dan puan-puan suka tentang animasi Malaysia? Apa yang tuan-tuan suka ? Yang tak suka kejap lagilah. Yang suka dulu.
- Tarmizi : Yang suka, jawab dulula. Habis jawab boleh balik awai.
- Nurul : Apa yang suka tu, anak saya ibu-ibu, bila tengok cerita Kampung Boy. Kat Kampung boleh mandi sungai ka?
- Moderator : Haaa.
- Nurul : Dia Tanya suasana Kampung sebab sekarang, mana ada sungai dah, kambing ayam pun dah tak jumpa dah.
- Tarmizi : Haa..itu yang saya nak cakap tu..Kampung Boy Lat tu. Dia menunjukkan situasi ataupun keadaan walaupun dia bawa kita punya keadaan apa nama kita nih boleh relate dengan kita punya life experience. Kalau tengok Lat Kampung Boy tu, depa takleh relate sangat lah, sebab tak bawa balik kampong macam dulu. Itula unsure-unsur yang kita suka tengok tentang animasi Malaysia. Kita boleh relate dengan kisah hidup kita dulu
- Moderator : kisah masa silamlah?
- Tarmizi : ha.. kisah masa silam

- Moderator : Ada benda-benda lain tak yang best yang tuan-tuan suka tentang local animation ?
- Khir : masih logik lagila..
- Moderator : Masih logic? Bolh jelaskan?
- Khir : macam cerita Tom Jerry, cerita bukan-bukan
- Nor : Jatu jatu hidup lagi
- Moderator : Lagi?
- Aima ; sekarang nih grafik dia cantik
- Moderato : Sekarang nih grafik cantik?
- Aima : Kalaun banding dengan erm, kalau kita tengok macam, ada sebablaa kita nak tengok kartun Malaysia banding dengan kartun luar. At par jugaklaa dengan ..
- Moderator ; at par dari segi? Grafik sahajaka atau ada benda-benda lain sama?
- Aima : memang grafikla.
- Moderator : Ada lagi benda-benda lain?
- Zuhrah : Kadang-kadang dari segi dialoq jugala. Ada dialor-dialoq konteks yang, ada juga bahasa yang kita tidak boleh terima tetapi ada juga yang mengingatkan kita, macam nih laa cara kita interaksi dulu. Ada dialoq yang lebih relevan dan more related dengan kita punya background. Itulah yang suka.
- Moderator : Ok, Saya rasa ini yang tuan tuan tunggu tungguan kot sebab tadi dah kata pasal bahasa kaw kaw. Apa yang tuan tuan tak suka tentang local animation? Nak bangkitkan pasal bahasa balikpun boleh. Kalau benda-benda lain pun boleh juga.
- Mior :Suka jaa.. pada saya saya suka tengok kartun. Jadi semua kartun saya tengoklah dan bagi saya kartun nih saya tak ambik serius sebab anggap sebagai hiburan. So jadi saya tak adalaa nak cakap apa benda tu saya tak

- suka sebab saya memang suka tengok kartun nih, tak ada yang tak suka. Cuma mungkin kalau boleh kena improve jalah.
- Moderator : Improve dari segi apa?
- Mior : Improve dari segi macam kalau kita tengok kartun-kartun daripada luar tu kan, dia punya cerita tu kan orang tua pun boleh layan. Jadi macam orang Jepun, Naruto yang beratus-ratus siri tu kan. Dia tu la.. walaupun cerita tu mengarut, kita pun tahu kartun tetapi kita masih ada rasa, kalau tengok tu rasa nak sambung lagi, sambung lagi. So itulah.
- Zuhrah : plot-plot penceritaan yang baik
- Moderator : dia punya plot penceritaan story line dia yer. Apa lagi yang tak best sebab tadi banyak yang sebut pasal bahasa saja kan. Apa benda-benda lain yang tak best tentang local animation?
- Megat : Singkat sangat kot.
- Moderator : Singkat?
- Nor : 5 minit, 5 minit
- Zuhrah : Iklan banyak
- Moderator : tak semestinya untuk animation itu saja per say tapi mungkin macam En Megat cakap tadi singkat macam Upin Ipin dulu start dengan 5 minit, 3 minit macam tu kan.
- Mior ; Dia tak macam bobotoi dan semua tu, dia punya kartun tu, gambar, grafik gambar ok tp cerita tak realistic. Kalau tengok Ben10, kalau dia sebut teknologi, kira rasa teknologi itu betul-betul ada walaupun padahal dia kelentong ja pun. Itula kajian mengenai benda-benda tu, dia main hentam sajala kan.
- Zuhrah ; Cumanya kartun Malaysia nih dia cuba nak tonjolkan sifat futuristik Tapi futuristik itu lebih kepada Copy, Cut and paste. Tak ada satu apa orang kata identity dan jati diri Malaysia sendiri. Macam kalau Kartun macam di Us, Jepun ada jati diri dia, jati diri bangsa tu. Jadi bila dia buat satu

animasi tu kalau dia cakap pasal futuristic. Macam En Mior kata tadilah, dia ada dia punya kajiannya, plotnya, convincing storyline tp macam kartun Malaysia dia macam futuristik spaceship, rasa agak superficial.

Moderator : tapi tak ke Upin Ipin tu banyak penceritaan masyarakat tempatan sahaja ?

Zuhrah : Ada yang Upin Ipin angkasa tu kan?

Aima : Ada.

Moderator ; ada yang merapu?

Aima : Dia dah merapu sikit. Ada yang pirate.

Zuhrah : macam Boboiboy tu pun dia buat alien, itu sebenarnya macam kita dah macam terikut ikut macam American Centric pulak . American lawan dengan alien, kita pun nak lawan dengan alien so dekat situ abit American centriclah.

Moderator : ahaa...

Megat : Tak Original.

Zuhrah : Tak original.

Moderator : Tapi..

Zuhrah : Saya rasa Animasi local patut mengangkat nilai-nilai estetika tempatan.

Mior : Macam ada cerita dia buat ada nilai futuristik tetapi dia kaitkan dengan legend dulu-dulu kan. Benda macam tu dia kata kita lebih berminatla nak tengok kan.

Moderator : So, apa sebenarnya yang membezakan Malaysian Animation jika nak dibandingkan dengan Negara Amerika, Jepun dan Negara lain?

Zuhrah : Kalau Jepun saya lihat memang pun, bila dia buat animasi, saya lihat jati diri dia kuat. Jati diri bangsa dia memang kuat dari segi budaya, dari segi kaizen, dari segi juang dan sifat dalaman memang dikeluarkan. Jadi si situ kita nampak. Contoh seperti kita tengok budaya jepun kartun seperti Detective Conan for example. Dia punya determination, kesungguhan,

investigate skill memang kita Nampak. Jepun punya perangailah. Kalau Kartun Amerika, dia punya expectation dari segi teknologi, dia punya plot dia punya nak lawan dengan alien dia tu. That's their identity. Bila masuk kartun Malaysia, itu yang saya kata Uson Sontorian, Keluang Man pada peringkat awal sangat jujur. Nak mengangkay kita punya nilai estetika, tapi lama-kelamaan bila dia Nampak the commercial value, dia Nampak owh sekarang nih, dia terarah kepada orang kata euro centrism. Dia kearah American Centrism. So saya rasa kita dah mula hilang kita punya nila...

- Moderator : tapi bukankah Keluang Man itu satu copy, cut and paste kepada Batman?
- Zuhrah : Tapi dia kata orang kata dia Berjaya melocal batman tulah kepada orang kata apa, dari segi bahasa, isu yang dia cuba angkatkan kepada .Dari segi itu, saya rasa dia agak Berjaya. Berjaya melocalkan batman itu sendiri. Sebab tu saya rasa Keluang Man itu agak jujur. Tapi kalau macam BoboBoi nih saya rasa kita tengok ok. Barat lawan dengan alien jadi kita pun nak lawan dengan alien juga tapi kita punya tu just semata-mata kerana awkward tapi kita tengok tu takpalaa just semata-mata kartun kita tengok jadi kita tak fikir sangatlah.
- Moderator : Atau mungkin sebenarnya memang sifat copy paste adalah memang wujud dalam budaya masyarakat kat Malaysia sendiri?
- Zuhrah : i reserve my coment la kot.
- Nor : Tapi betulla upin ipin dan boboBoi tu. upin ipin lebih Malaysian laa compare ngan boboBoi
- Moderator : ada apa-apa lagi tak yang agak agaknya kita boleh banding animasian luar yang mungkin kita nih animation tempatan adalah lain?
- Aima : Plot cerita ka
- Moderator : Plot cerita
- Zuhrah : Plot penceritaan.

- Aima ; animation luar dia macam tak tau dia buat macam mana tp dia ada cara yang buat kita mcm benda tu jadi real dan part of. Erm bila orang yang tengok tu, dia rasa benda tu macam part of diaorang punya life jugak.
- Moderator : Ermm.. Ermm
- Aima ; macam tengok sekarang Ben 10 la. Macam dulu Sailor moon orang gila dan macam kita orang masa tu sekolah menengah memang terpengaruh.
- Zuhrah : Dia bawa lifestyle
- Aima : Haa.. dia bawa lifestyle Macam tu la..
- Zuhrah : Dia bawa fesyen
- Moderator :Tapi macam mana nak nih arr.. aa macam mana maksud saya katalah kita tengok sesuatu animation tu, sekarang nih sekali pandang jer kita tahu animation itu animation mana. So Macam mana tuan puan identify bahawa nih animation daripada Amerika. Yang nih daripada Jepun, yang nih daripada Malaysia. Kalau dikatakan semuaditayangkan melalui satu jer bahasa?
- Aima : Jepun Obviouly, cantik lagila
- Zuhrah :Lukisan dia tu, anime dia tu, karakter dia tu
- Aima : Jepun, karakter dia tunjukkan pakaian dia
- Nurul ; Macam Amerika, pakaian dia juga . Macam Barbie.
- Zuhrah : Kalau jepun mata besar-besar.
- Nurul :Pakaian cantik. Cuba Malaysia tunjuk dia pakai kebaya, menggambarkan seorang muslimah, mesti budak-budak nih nak jadi nak tengok. Sebab anak selalu sebut Barbie. Macam Barbie cantik macam nih.

- Nor : Rasa dah ada dah watak Ana Muslim tu kan. Memang cantik tetapi sayang tidak diangkat ke tahap yang lebih tinggi.
- Nurul : kurang produk.
- Zuhrah : Kalau macam Ben10 tu nampakla dia American sebab punya style pakaian, pembawakan kereta yang dia bawa. Orang kata props yang ada dalam a part og kartun macam orang kata apa er....Detective Conan tu kita Nampak Jepun pun walaupun setting dia kat Perancis ker apa ker tapi kita Nampak orang Jepun punya lukisan dia tu just standard jer.
- Moderator :Haa.. So kalau kartun Malaysia, macam mana kita identify bahawa sekali tengok, nih kartun Malaysia. Kalau tadak audio pun kita tahu ni Kartun Malaysia.
- Mior :Anime nih sama macam movie. Kalau movie, kita buat di KL, scenario di Kl, anime pun sepatutnya macam tu la. Last scenario dia Kl la. Orang kata bentuk different form la kan. Tapi sebenarnya kita tengok kartun, ini yang kita tengok dari segi suara-suara, grafik grafik dan popular sebagainya. Dia dah sama bentuk dengan movie, form dia tu je yang lain. Contoh, kita tengok cerita melayu kan, kalau tutup suara, kita tetap tahu itu cerita melayu sama juga dengan anime. Dari segi background dia, dari segi pakaian dia, kereta dia, props dan sebagainya. Itu semua kena menggambarkan Malaysia, Janganlah bubuh gambar Humvee bubuhlaa Ixora ker kan. Sama jer dengan movie kan. Itu pendapat sayala kan.
- Moderator : Ada sapa-sapa nak tambah apa-apa lagi ka?
- Megat :Obvious sangat kot. Sekali tengok dah tahu
- Moderator : Erm.. dah tahu..walaupun tak ada suara?
- Tarmizi : Itu dah ada identity dah tu
- Moderator :Itu masyarakat tempatan, agak-agak kalau orang luar boleh tahu?
- Nor : boleh macam Upin Ipin tu la masa raya tu ker, bulan puasa, Indonesia pun lebih kurangkan tapi kalau orang oversea tengok mungkin kot boleh detect.

- Moderator : Tapi kalau kartun macam boboiboy yang tak berapa tunjuk melayu sangat.
- Nurul : Dia mungkin nak menggambarkan dia modern jadi kita dia ikut sangat teknologi jadi dia nak celup sedikit macam Ben10 jadi dia nak lari dari..
- Nor : Tapi kalau lain kartun pun, line yang banyak kita tengok memang cedek dari situ pun kan.
- Moderator : Ok. Yang tu Amerika, Jepun dan yang Malaysia. Saya nak Tanya kalau tuan puan pernah tengok cerita pororo the little penguin?
- Nor : Pernah
- Moderator : Tu dari mana
- Nor : teka yer. Korea.
- Megat/ Khir : Korea
- Moderator : Korea? Tak tahu? Tak pernah tengok eh? Korea? Macam mana kita boleh tahu itu Korea?
- Nor : tulisan dia.
- Moderator : Selain daripada tu, ada tak Nampak tak itu kartun Korea.
- Khir : Tak
- Moderator : So sekarang nih saya bukan nak elaborate la Cuma nak kongsi sikit macam kartun Korea pun dah mula diangkat naik. Tapi betullak mungkin isunya identity jugak macam mana orang nak cam bahawa sekali tengok tahu itu kartun Korea. Orang Korea sendiri tahu kot tapi orang macam kita tak tahu kot.
- Tarmizi : Pororo ?
- Nor : Pororo the little penguin. Pororo..
- Megat : Pororo the little penguin

- Moderator ; Yer.
- Mior ; Macam pingu pun kita tahu dia dari mana?
- Moderator : aha pingu
- Zuhrah ; a'ah Pinggu kan.
- Moderator : a'ah banyak animation Jepun pun Korean yang dah buat kerja-kerja dia. Kerja-kerja animation itu dibuat oleh orang Korea.
- Mior ; Itula nak tanyala kan, di mana kepentingannya untuk kita tahu ini kartun Malaysia dan ini bukan Kartun Malaysia dengan yang itu kan. Dengan yang Korea semua tu kan sebab let say semua tu bergantung kepada kita sendirilah. Animation tu kalau dia nak tunjuk cirri-ciri Malaysia, that's why kita kena tahula itu kartun Malaysia. Tapi macam Bangkok semua nih iaitu rasanya tak perlu tahu.
- Megat : Market right?
- Moderator : Erm..sebab macam nih Kerajaan kita ada bagi tau yg kita akan umumkan Malaysia kita nak buat Malaysia nih dijadikan creative hublah, aomotif hublah dan segala hublah. Jadi, Kerajaan ada launch MAC3 , satu inisiatif untuk menggalakkan industry kreatif. Jadi kalau kita nak mempromosikan industry kreatif ke luar Negara kita kena bring up the productla angkat. Makna kita kena angkat kita punya produk supaya dia lebih marketable boleh diterima secara global. So pentingnya kita nak kena belajar daripada orang lain jugaklah, orang daripada industry yang lebih Berjaya macam Amerika dan Jepun. Dua industry yang paling besar di dunia la kan. Kita nak tahu apa yang betul diaorang buat, apa yang kita boleh improve. Itu jawapan saya untuk soalan Encik Mior tadi.
- Nor ; Tapi saya rasa kalau kita nak bawa kartun kita nih ke tahap lebih tinggi. Saya rasala dari macam surrounding KL punya view semua tu betul. Cuma Kita kena angkat juga karakter. Karakter yang tu biarla karakter yang ada value. Value yang baikla, boleh menggambarkan cirri-ciri orang Malaysia pa semua pastu one malaysiala. Contoh ana muslim yang cantik, ada Chinese girl, ada Indian boy ka dan di bawah Malaysia tu jer.

- Nurul : Tapi ana muslim tu dia budak tahu saya tak tahu. Yang tahu Cuma Barbie, yang tahun pun bila dia cerita. Ana muslim rasanya baru dua tahun kebelakangan ini baru Nampak yang dia buat macam di beg. Kalau tak sebelum-sebelum ini memang tak ada. Tahu bila budak-budak balik. Ibu nak baju macam ana muslim. Baru Nampak yang dibuat.
- Khir : dia produk majalah.
- Nor : Dia Kartun tapi karakternya bukan dalam cerita bukan dalam
- Moderator ; bukan animation la.
- Nor : Bukan animation.
- Khir : Animation untuk lagu ada. Dia produk majalah.
- Nor ; Tapi kalau awak sebut kartun, betulla kartun. Dia karakter, kartun yang memang dah ada tp mungkin syarikat dia la tk besar tak kembangkan ker kartun yang masuk dalam tv macam upin ipin takla. Upin ipin dia start dengan dalam tv lepas tu dia baru produk. Macam ana muslim dia produk tapi sayang dia tak pi ke tools. Cuba bayangkan kita ada something, tools yang membantu untuk Nowadays untuk membentuk akhlak sahsiah banyak influence negative. Kalau kata ada medium yang boleh membantu sama alangkah cantiknya.
- Megat : kalau nak kembangkan ana muslim jadi anime..
- Nor : Kita sekalianla dengan Chinese girl, Indian Bot takper.
- Megat : Those yang nak bangunkan semua nih. Biasala Malaysia nih kan..
- Moderator : Isu Bajet kot.
- Nor : Mungkin company dia kecik.
- Moderator ; Ok erm. Soalan seterusnya kalau nak diiukutkan macam uan dan puan puan katakana tadi kan,err animation yang telah dihasilkan di Malaysia nih ada title title yang tuan tuan telah disebutkan tadi Sang

Kancil, Usop Sontorian, Keluang Man, Upin Ipin, Boboiboy. Dengan adanya animasi tempatan ni, adakah ia telah mengubah citarasa dan penontonan animasi tuan tuan. Maknya still prefer animation dari luar Negara ataupun dah mula menambahkan jumlah masa untuk menonton animasi tempatan

- Mior : Mula-mula first dia keluar kita teruja nak tengokla. So Kita Malaysia, macam tadi we pretend kita menipu jer la. Setakat nih punya nih jer la upin ipin macam nih cerita dia. Kita takder interest dah . Kalau Negara Negara lain kita masih boleh nak layan.
- Nor ; Lagipun dia tak banyak
- Mior ; setakat tu jerla. Waktu mula-mula dia keluar memang nak tengok tapi
- Moderator ; Tapi macam tuan tuan mungkin tak tengok tapi anak-anak macam mana?
- Nor : Tengok
- Moderator : Anak-anak continue la tengok
- Nor : Ha
- Megat ; kids tak ada option.
- Moderator : dia tak ada option?
- Megat : Kids tak dak option. Dia tengok something yang interesting untuk dia tengok. Tak kirala Malaysia kartun ker, ben10 ker. So you kena Tanya the right questionla. You nak opinion kita orang terhadap kids atau you nak opinion kita orang.
- Moderator : Dua-dua.
- Megat : Okla kalau macam tu pada I, I pada kids la sebab kartun I tak berapa. Untuk aplikasi untuk anak-anak, senang cerita you buka. 616 apa kartun keluar situ semua dia tgk. Right atau tukar cartoon network. Sebelum nih ceria. Mana canel you nak. They don't have they are not prejudis.

- Moderator ; Macam En Mior cakap tadi, dia kata dia suka tengok kartun kan. Jadi ada sesetangah parents yang bila anak-anaknya tengok kartun, dia pun tengok sekali dah bila dia dah tahu apa yang anak dia tengok jadi dia pun jadi terlekat. Eh macam menarik jugak. Tengok jugaklah. Sebab tu nak tahu dua-dua.
- Nor ; Ok kalau jadi macam yang kata first time tu boboboi dan upin ipin mula-mula tengok macam boboboi kan dalam episode baru kan.
- Moderator : erm.. erm..
- Nor : sukala tengok sebab dia ada sambungannya kan nak tahu jugak apa yang terjadi lepas tu. Tapi lepas tu kita tanak dah tengok ulangan. Kecuali anak-anaklah. Dia boleh ulang berapa kalipun. Dia tak bosan sampai dia hafal dialog tu.
- Nurul ; Macam kita, kita tengok kartun untuk release tension, kita taknak tengok yang berat-berat macam boboboi astro boy tu macam filem. Ha Tom and Jerry nih kita rasa macam nak tengok, kartun bodoh. Kita nak tengok mati kang hidup balik. Kita rasa macam nak ketawa.
- Tarmizi ; yang paling bodoh tu catdog
- Nor ; Spongebob..spongebob
- Catdog ; anjing tadak gigi tu eh..
- Zuhrah ; anjing yang kembar siam.
- Khir ; walaupun tak cantik. Ada satu lagi oggy and the cockroaches.
- Zuhrah ; itu layan tu..
- Megat ; dia sekali lalulaa kita tengok
- Nor ; Betulla kan, kartun kartun yang macam tu kalau kita perasan, dulu-dulu kita layan masa kita budak macam smurf, bila kita zaman diaorang nih.

- Nurul : ada lagi. Tom nad Jerry pun dari masa kita kecik sampai kita tua still sama
- Megat : you tengok berapa kali pun you akan gelak juga.
- Moderator ; Ok..arr
- Megat ; Soalan terakhir.
- Moderator : Bukan soalan terakhir lagi. Ada tiga lagi. Sejauh mana tuan tuan dan puan puan setuju atau tidak setuju, yang mana satu pun tak kisah tentang bagaimana Malaysia digambarkan melalui animasi tempatan?
- Nor ; Ulang soalan?
- Moderator ; Ulang soalan. Saya Tanya dalam bahasa Inggeris la sebab saya tulis soalannya dalam bahasa Inggeris. How far do you agree with the portrayal of Malaysia in local animation? Erm sejaух mana anda setuju ataupun tak setuju yang apa yang ditunjukkan ini adalah Malaysia.
- Nor : Pada saya upin ipin la, macam ada yang hari raya
- Nurul : Upin ipin, Kampung boy, astro boy, bobo boi tu dia dah tengok kepada oversea punya kepada Malaysia
- Moderator : tadikan ada sebut Puan Zuhrah ada sebut, copy, cut and paste. Tiru cerita asing. Macam mana kita nak tahu dia punya tu betul dia tunjukkan Malaysia. Soalan nih sebenarnya subjektif. Ada unsure-unsur yang menunjukkan Malaysia dan mungkin ada unsure-unsur yang tidak menunjukkan Malaysia. Efek masyarakat tempatan la.
- Megat : So maknya in general, nak Tanya bahawa kartun tu menunjukkan Malaysia la
- Moderator : Erm.. erm...How far do you agree to that statement.
- Megat : kalau give scale saya half.
- Moderator : but the call adhective, any answer would do.

- Mior :Nak kata dia betul-betul portray Malaysia...erm..
- Megat ; Upin ipin nak kata India jaga lembu, mana ada orang India yang betul-betul jaga lembu. Right?
- Nor : Owh you talking about Malaysia ka. Kalau Malaysia tak
- Moderator : sebab dia akan pergi ke sub question yang seterusnya. Apa yang ditonjolkan tidak melambangkan budaya Malaysia.
- Megat ; Budaya Malaysia?
- Moderator : Anything about Malaysialah.
- Mior : Dia ni...dia cuba nak potray tapi sebenarnya apa yang dia potray tu tak sepenuhnya, terlalu sikit. Contoh kalau oaring India jaga lembu, memang ada kebenaranya tapi kebenarannya terlalu sedikit. Kita masyarakat menggambarkan masyarakat tu secara keseluruhan. Ianya lebih kepada Melayu.
- Megat : Race Eccentric. Kalau you tengokla dalam upin ipin, silat lagenda, keluang man I tak tau la, boboiboi, kalau ..
- Mior ; ada tu, lebih melayu, ada yang lebih pada cina pulak. Nak kata satu animasi yang semua equal tak dak.
- Megat ; the right statement, the animation in Malaysia is race eccentric. That my statement.
- Zuhrah ; sebab kita sebenarnya Malaysia nih bukan melting pot, dia still ada Chinese, Indian, Malay. Dia takda melting pot. Macam America tu dah jadi macam no culture anymore. More this like the American is American tapi Kalau Malaysia nih dia macam nila, kalau orang kata stereotaiip , typical portrayal. Indian macam nih, melayu macam nih. Kadang-kadang dia macam touch the cultural sensitivity la pulak. Itu yang berlakula. Kita tak Berjaya lagi nak really show.
- Mior : Kita cuba masukkan elemen –elemen bahasa lain tapi tu la cubaan itu tak berapa berjaya.

- Nurul ; Macam Upin ipin la kan, dia ada tunjukkan watak budak cina tu nama Mei Mei tapi tak banyak la. Banyak tentang upin ipin sahaja. Dia tak ada satu Mei Mei dan satu budak India tu dan upin Ipin just kawan. Dia tak ada mengambarkan Mei Mei tu kat rumah, Budak India tu kat rumah. Tak ada. Dia hanya tunjukkan Upin Ipin punya rumah sahaja.
- Mior ; Macam dia tak ada satu episod mungkin ada satu episode Mei Mei sahaja. Budak India sahaja. Barula kita boleh kata dia satu..
- Moderator ; Mungkin ada tetapi tuan tuan tak pernah tengok?
- Zuhrah ; Baru saya ingat ada satu episode dalam usop Sontorian, dia ada satu episode focus pada kawan dia yang sigh. Yang itu ada, saya ingat sebab saya dulu memang minat Usop Sontorian dan bila say tengok tu satu episode ke satu episode tu memang dia focus kepada dilemma satu keluarga sigh nih. Saya tak ingat dah apa dilema dia tetapi dia focus kepada macam mana Usop dan geng Indiannya dengan budak Cina ni cuba nak tolong sigh tu budak sigh tu untuk sette problem. Tu baru satu episode. Dan Kemudian ada satu episode di mana ada Si Usop nih dengan geng geng India nih pergi makan dekat rumah yang Cina itu. Berlakulah dialog, ‘ eh kau nak makan ker halal ker benda nih’ jadi makcik yang mak kawan kepada budak cina tu kata ‘ Jangan takut Usop, makan makan, itu makcik beli dekat kedai bawah, orang melayu jual. Makan Makan takpa Halal Halal’ Macam tu. So diaorang pun duduk dekat dalam kedai tu sebab dalam Usop Sontorian budak Cina itu digambarkan sebagai ayah dia buka kedai runcit, rumah diaorang dekat atas. So Si Usop dan Geng Geng duduk rumah Chong ker apa, saya tak ingat. Dia duduk rumah budak Cina tu sebab dia advance sikit, dia ada tv, ada games so diaorang duduk main game sampai tengah malam sampai abang Budin dia kena pi cari dia. Haa, itu satu episode yang menggambarkan ini kawan usop yang budak CIna, Ini kawan usop yang budak India, Ini yang budak sigh. Dia ada satu episode yang menggambarkan masyarakat. Itu saya kata karya yang sangat jujur kerana ia mengangkat keadaan di kampong itulah.

- Moderator : erm..erm.. ok Kalaula dikatakan tuan tuan dan puan puan ada peluang diberi kuasa dekat tangan tuan tuan lah untuk mengubah apa-apa apa sahaja tentang animasi tempatan nih, apa yang agak hendak dibuang ?
- Nor : Bahasa. Sebab Saya suka dan bangga sangat . sejujurnya saya bangga sangat dengan animasi sekarang sebab dulu-dulu waktu kecil kalau kita tengok kartun ala ianya lembap dan kita tak akan tengok tapi bila upin ipin keluar kita tengok laju apa semua tetapi tolongla kalau value dia dekat situ dicantikkan apa semua.
- Khir : perlukan pakar bahasa.
- Nor : macam pinggu itu semua kan. Walaupun nih tapi kita pulak jadi bahasa dekat dia dia buat gitu gini tp kita tahu dari karakter dia gerak apa semua bila kita tengok dia dengan adiknya kan
- Moderator ; En Khir nak ubah apa? Apa yang hendak En. Khir ubah? Apa-apa ja boleh ubah.
- Khir : hah..erm..
- Nor ; saya rasakan kalau boleh Sang Kancil apa semua kena ulang balik sebab ianya bagus biar anak-anak tengok.
- Megat ; walaupun tak cantik.
- Nor : sebab value dia.
- Megat : Kena buat balik
- Nor : Ada dekat TV Hijrah, satu Zaman dahulu. Ada
- Moderator : Owh ada.
- Khir : Ada tapi orang tak perasan. Animasi dia pun dari Usop punya geng, boboiboy punya animation. Animasi punya produk.
- Nor ; Kena banyakannya la. Sebab sekarang nih, saya rasa mencabar. Biar bila awal-awal tengah naik nih, biar foundation yang betulla. Kalau kita nak ikut zaman sekarang, yang cakap..tak taula zaman sekarang ni, kalau

kita nak follow zaman tu, kita nak suapkan anak kita dengan yang tak elok so problem la. Biar benda betul sebab kita tahu itu salah kan.

- Megat : Kartun kena tunjuk sahsiah yang baikla.
- Moderator : Puan Aima
- Aima : erm.. semua dah sebut.
- Moderator : semua dah sebut
- Mior : Kalau saya, saya suka tengok anime portray local macam naruto semua tu kan. Jadi saya nak cerita Malaysia nih potray local herola.
- Nor : dia sejarahkan hang tuah punya semua tu dalam bentuk yang lebih menarik. Kita pun boleh follow.
- Mior :Kita Nampak power macam tu kan. Local local hero macam ultraman tu kan. Dia masih lagi futuristic tapi dia punya background still Malaysian la.
- Megat ;Saya nak kalau boleh animasi dekat Malaysia nih tak portray satu stereotaip bangsa sahaja. I tell you kita boleh belajar daripada bangsa lain especially the Chinese ya. Kalau boleh buat satu animation yang boleh terapkan jugak memang kita melayu memang berbudi bahasa. Islamik but budi bangsa lain boleh diterapkan contoh nilai keusahawan, business minded diaorang dan dia orang rajin. So tak ada race eccentric. Tha sad but true, that is stereotyping in Malaysian animation. Kalau Ah Meng itu betul dia potray businessman tetapi tak ada nilai-nilai tu untuk budak-budak.
- Nor ; There is something to learn.
- Megat : It's quit heavy but maybe you can try.
- Nor : saya setuju sebab penglibatan bangsa Cina, India amat kurang. Boleh bagi input yang lebih.

- Zuhrah ; Dari situ juga boleh masuk dari segi pengolahan orang kata tambahan bahasa. Kalau setakat ploat yang melibatkan bangsa berbeza, kita boleh pakai bahasa dia, bahasa Tamil, Cina dan dari situ budak-budak kita secara santainya dia belajar dua bahasa srentak. Jadi dia boleh faham juga bukan kita nak bahasa berat orang kata bahasa sapaan harian. At least budak kita pun dia boleh belajar dialek bahasa Chinese sapaan dia macam nih bahasa dia, yang ringan-ringan, santai santai. Bukan untuk tujuan untuk dia belajar berat. Contoh ucap selamat pagi ka, mutu bangun ucap selamat pagi dekat ayah dalamBudak-budak pun automitacally dia pun learn fast dari segi bahasa.
- Megat : Diaorang punya age memang betul betul.
- Nor : Macam cakap orang putih, kita boleh serap apa saja. Benda itu bagus kan. Sebenarnya kalau kita ajar Bahasa Sepanyol pun dia sekejap jer boleh ikut.
- Megat ; They can leran several language.
- Nor ; Haa.. see..
- Megat : Kita hanya concentrate Melayu, Inggeris.
- Nor ; Dua sahaja.
- Zuhrah ; Kalau kita tengok balik macam En. Megat kata tadi. Apa yang berlaku dekat Malaysia . Kita kata kita one Malaysia tapi bila kita tengok realitinya ialah anak melayu kita Cuma boleh dua bahasa sahaja . Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris. Chinese tak boleh, Indian tak boleh. What happen they are not marketable. Tapi budak cina diaorang marketable sebab diaorang boleh lebih daripada dua bahasa. Bahas Dialek tempatan dah la satu, Mandarinj Kebangsaan dah satu. Bahasa Inggeris satu, Bahasa Melayu satu. Dia orang ada empat bahasa dalam tangan.
- Nurul ; ada jugak yang setengahnya tahu Bahasa Tamil. Cikgu sekolah saya dia membesar di estet, dia sorang jer Chinese dan semua India dan dia pandai cakap India dengan kawan-kawan. Sampai di sekolah, kalau budak India

maki hamun ker, padahal budak-budak India tak tahu dia pandai cakap India.. tamil kan. Dia balas balik. Terperanjat budak tu. Budak uh Tanya mana belajar. Dia cakap dia duduk di estet dan dia belajar bahasa tu.

- Zuhrah : yer yer. Animasi tempatan boleh angkat bahasa tu.
- Megat ; You can input this and try la at least. One Malaysia..one Malaysia.
- Moderator ; Encik Tarmizi. Last En Tarmizi sorang yang belum beri pendapat. Apa yang nak En. Tarmizi nak ubah. Semua dah bagi.
- Tarmizi : Nak Ubah, tambah baik jala kot. Itu jala.
- Moderator ; Tambah baik?
- Tarmizi ; Macam Khir sebut.
- Moderator ; Khir sebut apa tadi?
- Nor : Tak sebut pun.
- Khir ; Tapi kalau Malaysia sekarang dia tengah buat satu filem, seafood la, dia ada daripada binatang-binatang laut nih la . Kartun nih pelik sikit la.

- Zuhrah : Itu Charles Darwin punya Idea tu.
- Khir ; Malaysian la punya kartun. Nama dia Seafood
- Moderator ; Siput ker Seafood.
- Khir ; Seafood.
- Nor ; S.. E..E..Food makanan
- Moderator ; Owh See Food.
- Khir ; Dia naik ke darat mencari makanan naik ke atas.
- Nor ; Dia dah boring dekat laut dan dia nak naik ke atas.

- Moderator : Soalan yang last la. Soalan nih general saja sebenarnya, ada apa-apa lagi yang tuan puan nak cakap tentang animation tentang nak tambah ka, rasa tak puas hati ka, nak tambah ka?
- student ramai tetapi mereka pergi mana
- Moderator ; animasi tempatan kecil jadi mereka ke tempat lain
- Tarmiz ; kalau Upin Ipin buang watak Salleh, watak pondan yang diterima dalam masyarakat. Orang dewasa boleh terima tetapi budak-budak. Tak boleh terima.
- Megat ; Komedi factor kurang sesuai.
- Nor ; tambahkan lagi watak yang baik kearah education, islamik tetapi Indonesia. Ada islamik sikit.
- Zuhrah ; serampang dua mata. Hiburan dan pendidikan.
- Moderator : mengucapkan ribuan terima kasih banyak-banyak kerana sudi meluangkan masa dalam sesi temubual ini.

